

## SOALAN LAZIM MENGENAI GST (CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN)

1. Apakah kadar GST 0%?

**Semua barangan dan perkhidmatan yang dikenakan bayaran GST 6% telah dikadarkan kepada GST 0% mulai 1 Jun, 2018.**

2. Bolehkah saya menuntut semula GST yang saya telah bayar?

**GST 6% yang telah dibayar untuk sijil sebelum 1 Jun 2018 tidak boleh dituntut semula.**

3. Adakah kadar GST 6% telah dikemaskinikan kepada 0% dalam laman sesawang Takaful IKHLAS?

**GST telah dikadarkan kepada 0% di dalam laman sesawang Takaful IKHLAS mulai 1 Jun 2018.**

4. Saya ada menerima notis pembaharuan dengan kadar GST 6%. Adakah Pihak Takaful IKHLAS akan menghantar semula notis tersebut?

**Untuk pelan-pelan takaful yang berkaitan, tiada notis pembaharuan baru akan dihantar. Mulai 1 Jun 2018, kadar sumbangan semasa transaksi akan mengikut kadar GST 0%.**

5. Takaful motor saya lupus selepas 1 Jun 2018, saya telah memperbaharui takaful motor pada 25 May 2018. Bolehkah saya menuntut semula GST yang saya telah bayar?

**Jika bayaran telah dibuat sebelum 1 Jun 2018, tuntutan ke atas GST 6% tidak boleh dibuat.**

6. Saya dapati terdapat bahan promosi seperti brosur masih nyatakan kadar GST 6% walaupun kini kadar GST adalah 0%. Adakah ini bermakna kadar sumbangan saya masih dikenakan kadar GST 6%?

**Semua kadar sumbangan Takaful IKHLAS untuk pelan-pelan perlindungan dan perkhidmatan dikenakan kadar GST 0% mulai 1 Jun 2018.**

7. Adakah Takaful IKHLAS akan mengeluarkan Invois Cukai sebelum 1 Jun 2018?

**Ya. Menurut Akta GST, kami akan mengeluarkan Invois Cukai sehingga ada pertukaran atau pindaan kepada Akta GST.**

8. Adakah kadar sumbangan akan berkurangan selepas kadar GST 0%?

**Untuk sijil takaful berkuatkuasa sebelum 1 Jun 2018, kadar GST 6% adalah dikira didalam jumlah sumbangan yang perlu dibayar. Untuk sijil yang sama yang berkuatkuasa pada atau selepas 1 Jun 2018, jumlah sumbangan yang perlu dibayar akan mengambilkira kadar GST 0%. Ini bermakna jumlah sumbangan yang perlu dibayar boleh menjadi lebih rendah dengan pengurangan kadar GST kepada 0%.**